

06 SEP 1996
TNB-Rombak
PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN TNB AKAN DIROMBAK

KANGAR, 6 Sept (Bernama) -- Struktur pentadbiran dan pengurusan Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan diubahsuai melalui rombakan para pegawai dan anggota tertentu bagi meningkatkan mutu perkhidmatan syarikat itu, kata Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali.

Beliau berkata, proses rombakan itu dijangka dilakukan secara berperingkat-peringkat dan akan mengambil masa selama satu tahun.

"Saya akan mengubahsuai struktur pentadbiran dan pengurusan TNB dengan beberapa perubahan supaya dapat dibangunkan semangat berpasukan (dalam kerja) dan saya yakin dapat menggunakan tenaga kerja pegawai yang sedia ada secara optimum," katanya kepada pemberita selepas melawat dan mendengar taklimat daripada Pengurus TNB Wilayah Perlis, Ir Mohamad Tahir Nurani di pejabat TNB negeri di sini, hari ini.

Selaras dengan usaha itu, para pegawai kanan yang akan bersara dalam tempoh kira-kira satu tahun lagi diminta supaya membuat persediaan dalam beberapa bulan terakhir mereka untuk melatih golongan pelapis yang bakal menggantikan tempat mereka supaya mereka bersedia memikul tanggungjawab apabila dilantik kelak.

"Kalau terus tukar pegawai yang belum tahu bidang tugasnya akan timbul masalah dan rasa tidak tenteram dalam operasi," katanya.

Bagaimanapun, katanya, perubahan itu tidak bermakna pegawai yang ada di tempat masing-masing pada masa ini tidak berkemampuan, sebaliknya mereka adalah yang paling layak.

Selain itu Ahmad Tajuddin juga berkata, pihak TNB telah menyiapkan laporan kajiannya mengenai cara negara-negara lain menghadapi situasi bekalan elektrik terputus seperti yang berlaku di Semenanjung Malaysia pada 3 Ogos lepas.

Kajian berkenaan yang dilakukan atas permintaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan diserahkan kepada Kabinet minggu depan untuk diteliti, katanya.

Beliau berkata, pihak TNB ada mengemukakan beberapa saranan berhubung hasil kajian itu. Bagaimanapun beliau enggan menyatakannya kepada pihak media sebelum pihak Kabinet menelitinya.

Beliau memberi jaminan masalah gangguan bekalan elektrik serentak di seluruh negara tidak akan berlaku lagi.

Masalah yang berlaku di peringkat stesen akan dikurangkan dengan pendekatan baru iaitu budaya penyenggaraan yang antara lain berusaha memendekkan tempoh pemotongan bekalan.

Mengenai penggunaan elektrik di Perlis, beliau berkata sehingga ini keseluruhan negeri Perlis dibekalkan dengan bekalan elektrik seratus peratus.

Walaupun pengguna domestik adalah 87 peratus berbanding pelanggan komersil sebanyak 12 peratus di negeri ini namun TNB mampu membekalkan keperluan tenaga sehingga tahun 2010, katanya. -- BERNAMA

IQ PR